

**Pengkaryaannya Najib al-Kilani dalam ‘Azra’ Jakarta  
menurut Perspektif Takmilah**  
*(The portrayal of Najib al-Kilani on ‘Azra’ Jakarta  
according to the Takmillah Perspective )*

Zakiyatul Mahmudah, Zulkarnain Mohamed

Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
E-mail: dzaky.mahmudah@gmail.com;nain@ukm.edu.my

---

**Abstrak** - *Najib al-Kilani (1931-1995) merupakan sasterawan muslim Mesir yang telah banyak menghasilkan karya sastera Islam semasa hidupnya. Melalui karyanya itu, al-Kilani dianggap sebagai salah seorang sasterawan yang sukses dalam mengedepankan hak-hak umat Islam serta mengutamakan penggunaan elemen-elemen kreativiti penceritaan yang bersesuaian dengan tasawwur Islam. Bahkan, dalam dunia sastera Islam ia juga dikenali sebagai pelopor sastera Islam. Berdasarkan hal tersebut, penulis melihat adanya korelevanan sosok Najib al-Kilani untuk dibahas kembali dari segi pengkaryanya dalam membangun penceritaan berdasarkan tasawwur Islam. Dengan memilih salah satu novel karya al-Kilani yang mengangkat sejarah umat Islam di Nusantara iaitu ‘Azra’ Jakarta, maka wajar jika kajian ini akan menggunakan kritikan sastera tempat iaitu teori Takmilah yang diusung oleh Shafie Abu Bakar, seorang sasterawan dan kritikus asal Malaysia bagi memperlihatkan pengkaryaan al-Kilani sebagai pengarang yang mengemukakan unsur-unsur Islam. Selain itu, tujuan penggunaan teori ini adalah untuk melihat kesesuaian gagasan sastera Islam yang dibawa al-Kilani dalam karyanya dengan gagasan sastera Islam di Nusantara. Adapun hasil kajian ini mendapati bahawa kandungan novel ‘Azra’ Jakarta memiliki kesesuaian dengan gagasan takmilah dalam mengemukakan tasawwur Islam pada aspek karya. Sementara itu, tasawwur Islam yang dinyatakan juga bertepatan dengan keempat-empat prinsip Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, prinsip kerasulan sebagai insan kamil, prinsip keislaman yang bersifat akmal dan prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul.*

**Kata Kunci:** *Pengkaryaannya, Najib al-Kilani, ‘Azra’ Jakarta, Takmilah, Sastera Islam.*

**Abstract** – *Najib al-Kilani (1931-1995) was an Egyptian Muslim litterateur who had produced numerous Islamic literary works throughout his life. Through his work, al-Kilani is regarded as one of the most successful litterateur in advocating for the rights of Muslims as well as his emphasis on the use of elements of narration in the context of Islam. In the Islamic literature world it is also known as a pioneer of Islamic literature. Based on this, the author sees the relevance of Najib al-Kilani's character to reiterate in his work in constructing a story based on Islamic propaganda. This study will use the local literary criticism of the Takmilah theory developed by Shafie Abu Bakar, a Malaysian literary critic, and critic to show the work of al-Kilani is the author of Islamic elements. In addition, the purpose of using this theory is to see the relevance of the idea of Islamic literature brought by al-Kilani in his work to the idea of Islamic literature in*

*the Archipelago. As a result of this study, it is found that the content of the novel 'Azra' Jakarta is in line with the idea of Takmilah in explaining of Islamic Tasawwur in the aspect of the work. In the meantime, the Islamic Tasawwur is also in accordance with the four principles of Takmilah: the divine principle of kamal, the principle of apostasy as insan kamil, the Islamic principle of Akmal and the principle of knowledge with the Takamul literature.*

**Keywords:** *Portrayal, Najib al-Kilani, 'Azra' Jakarta, Takmilah, Islamic literatures*

## I. Pendahuluan

Dalam dunia sastra Islam, nama Najib Ibrahim Abd al-Latif al-Kilani atau dikenal sebagai Najib al-Kilani (1931-1995) sudah tidak asing lagi di telinga para penggiatnya. Bahkan, sastrawan berkebangsaan Mesir ini disebut-sebut sebagai pelopor sastra Islam ataupun perintis kisah-kisah Islam. Usaha dan upayanya dalam membangkitkan kembali sastra Islam serta memperjuangkan hak-hak umat Islam melalui karya tulisnya membuatnya mendapat perakuan. Tidak tanggung-tanggung, perakuan terhadap dirinya serta karyanya bukan sekadar dalam taraf kebangsaan sahaja, tetapi juga sampai pada tahapan antarabangsa.

Di rantau Arab sendiri, terdapat salah satu pertubuhan yang khusus menaungi literatur sastra Islam turut mengambil perhatian terhadap karya-karya dan pemikiran Najib al-Kilani, iaitu *Rabitah al-Adab al-Islamiyah al-<sup>c</sup>Alamiyah* (Liga Antarabangsa untuk Kesusasteraan Islam). Pertubuhan yang telah berdiri sejak tahun 1984 di Mekkah ini, bukan hanya berfungsi sebagai pemerhati dan pengawas dalam perkembangan sastra Islam sahaja, tetapi turut mengapresiasi sastrawan dan karya-karya yang mampu membina dan membangkitkan semangat keislaman dalam kalangan masyarakat luas. Dalam hal ini, al-Kilani merupakan salah seorang sastrawan muslim yang mendapat pengiktirafan dari pertubuhan tersebut pada tahun 1994.

Terdapat beberapa sastrawan dan kritikus sastra Islam dari pelbagai negara yang bernaung di bawah pertubuhan ini memberikan komentar dan sanjungannya terhadap pengiktirafan al-Kilani sebagai pelopor sastra Islam antaranya ialah Abu al-Hasan <sup>c</sup>Ali al-Nadwi selaku pengasas *Rabitah al-Adab al-Islamiyah al-<sup>c</sup>Alamiyah*, Abdul Quddus Abu Salih, Abdullah Salih al-<sup>c</sup>Ariny, Muhammad Yusuf al-Taaji dan Hilmy Muhammad al-Qa<sup>c</sup>ud. Bahkan ketika sastrawan Najib al-Kilani ini meninggal dunia pada tahun 1995, *Majallah al-Adab al-Islami* yang berafiliasi pada pertubuhan ini turut mengeluarkan edisi khusus yang membincangkan seputar keperibadian al-Kilani, buah karya serta pemikirannya yang turut dikemukakan oleh para sastrawan dan kritikus sastra Islam tersebut.

Dikutip dari majalah tersebut, Abdul Quddus Abu Salih (1995) mengucapkan rasa terima kasih sedalam-dalamnya kepada al-Kilani atas peran dan sumbangannya yang begitu besar dalam membangkitkan kembali sastra Islam melalui karya-karyanya. Selain itu, Abu al-Hasan <sup>c</sup>Ali al-Nadwi (1995) juga mengutarakan pendapatnya bahawa peranan al-Kilani di dunia sastra Islam begitu berpengaruh, terlebih lagi melihat hasil karya-karyanya yang selalu fokus membahas tentang isu-isu global yang berhubungan dengan permasalahan umat Islam. Begitu juga Abdullah Salih al-<sup>c</sup>Ariny (1995) turut menyanjung keistimewaan karya al-Kilani, kerana isu yang diangkat dalam karyanya tidak hanya berdasarkan fenomena yang terjadi di negerinya (Mesir) mahupun Arab sahaja, tetapi juga permasalahan umat Islam di luar rantau Arab seperti Nigeria, Etiopia, Turkistan dan Indonesia. Adapun tema-tema yang diangkat, kebanyakannya mengisahkan tentang kehidupan dan perjuangan umat Islam dalam melawan kejahatan, kezaliman, penjajahan, ketidakadilan penguasa dan pelanggaran hak-hak kemanusiaan.

Antara isu menarik yang dibincangkan oleh al-Kilani ialah tentang perjuangan umat Islam melawan komunisme di Indonesia yang terdapat dalam novel *'Azra' Jakarta* (1974). Novel ini mengisahkan tentang konflik sosial politik di Indonesia pada tahun 1965. Konflik yang terjadi dalam *'Azra Jakarta* ini terjadi antara fahaman materialisme yang dibawa oleh partai komunis yang secara umum digambarkan melalui tokoh Aidid, dengan Islam yang direpresentasikan melalui keluarga Masyumi iaitu keluarga Fatimah. Selain itu, novel ini juga turut menceritakan tentang kekejaman komunis yang dilakukan terhadap para tahanan di dalam penjara dan juga menggambarkan bagaimana usaha-usaha yang dilakukan komunis untuk menanamkan ideologi tersebut di Indonesia.

Menyentuh persoalan di atas, penceritaan novel ini melibatkan dua aliran yang saling bertentangan iaitu antara Islam dan Komunis. Sepanjang penceritaan, al-Kilani tidak hanya memaparkan prinsip-prinsip Islam tetapi juga menggambarkan secara umum bagaimana pemikiran komunis yang dianggap berlawanan dengan ajaran Islam. Kecenderungan al-Kilani terhadap prinsip keislaman terlihat manakala ia menggunakan watak-watak muslim sebagai watak utama sekaligus watak protagonis. Sebaliknya, al-Kilani lebih menekankan stereotipe negatif terhadap watak dan perwatakan yang menjadi gambaran komunis seperti bersifat materialistik, anti-tuhan, kejam dan penuh tipu daya. Selain itu, isu keislaman dalam novel ini turut dikombinasikan dengan isu-isu kebangsaan. Hal ini kerana kisah perjuangan umat Islam melawan komunisme tersebut memiliki kaitan dengan latar belakang sejarah perpolitikan Indonesia pada tahun 1965.

Melihat kerelevanannya sebagai pelopor sastra Islam yang diperakui, al-Kilani tidak hanya mengedepankan hak-hak umat Islam melalui tulisannya, tetapi juga mengutamakan penggunaan elemen-elemen kreativiti penceritaan yang mesti bersesuaian dengan tasawwur Islam. Hal ini perlu dilakukan agar terhindar dari kreativiti yang dapat menyebabkan pelecehan terhadap agama dalam sesebuah karya sastra berunsur Islam. Justeru kehadiran novel seperti *'Azra' Jakarta* ini memiliki keistimewaan tersendiri, bukan hanya sebagai novel yang mengangkat isu umat Islam di Nusantara, tetapi juga dapat dijadikan sebagai medium dalam melihat kesesuaian gagasan sastra Islam yang dibawa al-Kilani dengan gagasan sastra Islam di Nusantara.

## II. Najib al-Kilani dan *'Azra' Jakarta*

Najib Ibrahim Abd al-Latif al-Kilani, dikenal juga sebagai Najib al-Kilani ialah seorang novelis berkebangsaan Mesir yang lahir di kampung Sharshabah, Provinsi *al-Gharbiyyah*, Mesir pada 1 Jun 1931. Al-Kilani membesar dalam keluarga dan pendidikan yang Islami. Kehidupan religiusnya ini lebih dipengaruhi oleh kakeknya, Haji Abdul Qadir al-Shafi'i, seorang lelaki soleh yang berpengetahuan luas dan juga merupakan hafiz al-Qur'an. Justeru, sikap dan peribadi kakeknya tersebut turut membentuk keperibadian al-Kilani yang islami.

Al-Kilani memulau belajar dasar-dasar ilmu agama Islam dan bahasa di salah satu sekolah rendah di kampungnya, *al-Madrasah al-Ilzamiyyah* Sharshabah. Kemudian, pada siang harinya dilanjutkan dengan mengikuti kelas tahfiz al-Qur'an yang mengajarkan cara membaca, menulis serta menghafal al-Qur'an. Namun pasca perang dunia II, ia berpindah sekolah ke *Madrasah al-Amrikaani al-Ibtidaiyyah* di daerah Sunbat. Kepindahannya tersebut membuat kakeknya berinisiatif mendaftarkannya ke sebuah sekolah Bahasa Arab non-formal milik kawannya, Sheikh Ahmad al-Raa'i, yang mana disitu ia dapat belajar ilmu-ilmu keislaman dan menyelesaikan hafalan al-Qur'annya (al-Kilani 2006).

Setelah menyelesaikan pendidikan tingkatan sekolah menengah di Tanta selama lima tahun, al-Kilani akhirnya mendalami bidang kedokteran di Universitas Kairo. Namun pada 18 Agustus 1955, presiden Mesir, Gamal Abdul Nasir mengeluarkan dekri untuk menangkap anggota organisasi Ikhwan al-Muslimin atas tuduhan ingin melakukan kudeta terhadap pemerintahannya. Al-Kilani yang ketika itu merupakan anggota Ikhwan al-Muslimin turut ditangkap dan divonis penjara selama sepuluh tahun, sehingga pendidikannya yang telah menjalani tahun keempat pun tertunda (al-Kilani 1994a). Namun sebelum dibebaskan pada November 1958, ia sempat berpindah dari satu penjara ke penjara lainnya dan mengakhiri masa tahanannya selama 40 bulan. Setelah itu, al-Kilani kembali meneruskan studinya hingga mendapatkan gelar dokter pada tahun 1960 (al-Kilani 1994b).

Sebelum bertugas di kampung halamannya, Sharshabah, al-Kilani sempat menjalani karirnya sebagai dokter di Rumah Sakit Umm al-Misriyyin pada tahun 1961. Tak lama setelah itu, ia dipindahkan ke Kementerian Pengangkutan dan Komunikasi di bawah Unit Keretapi di Kairo. Namun di tengah-tengah memanasnya perpolitikan di Mesir, pada 6 September 1965 al-Kilani kembali ditahan untuk kedua kalinya dan berhasil dibebaskan pada akhir November 1966. Pada masa-masa setelah bebas dari penjara pertama kalinya, ia sempat melangsungkan pernikahannya dengan puteri dari Syekh Mahmud Shahin, Karimah Mahmud Shahin hingga dikurnia tiga orang putera dan satu orang puteri (al-Kilani 1994b).

Kemudian pada tahun 1968, akhirnya al-Kilani memutuskan pergi berhijrah ke Uni Emirat Arab (UAE) dan meneruskan karirnya dalam bidang kedokteran hingga menjadi direktur kebudayaan dan kesehatan di Kementerian Kesehatan Uni Emirat Arab. Setelah beberapa tahun menetap di luar negara, al-Kilani kembali ke Mesir pada tahun 1992 (al-Kilani 1994c). Selang dua tahun kemudian, diketahui al-Kilani telah mengidap kanker hati hampir setahun lamanya, hingga pada akhirnya meninggal dunia pada 6 Maret 1995 (al-Ariny 2005).

Adapun novel *'Azra' Jakarta* merupakan salah satu buah karyanya yang pertama kali diterbitkan pada tahun 1971. Novel ini mengisahkan tentang konflik sosial politik di Indonesia pada pertengahan akhir tahun 1965, yang terjadi antara dua aliran yang saling bertentangan, iaitu ideologi komunisme yang dibawa oleh parti komunis dengan Islam.

Permasalahan dalam cerita ini muncul, ketika Fatimah menentang isi sebuah seminar yang disampaikan Aidid, mengenai pesan-pesan yang mengarah kepada ideologi komunisme. Akibat peristiwa itu, Aidid merasa geram dan berencana untuk membalas dendam kepada Fatimah. Selain itu juga, pernyataan Fatimah pada seminar tersebut dikhawatirkan dapat mempengaruhi pemikiran mahasiswa lainnya, sehingga akan merugikan kepentingan partai (komunis). Maka, rencana balas dendam tersebut dimulai dengan menculik ayahnya, Haji Muhammad Idris yang juga merupakan tokoh penting dalam Masyumi, partai Islam yang sangat menolak komunisme. Dalam proses pencarian ayahnya, tunangannya, Abul Hasan juga ditangkap oleh partai atas tuduhan mencemarkan nama baik partai. Terjadinya peristiwa penangkapan Abul Hasan tersebut, membuatnya tidak ada pilihan selain berjuang sendiri mencari jejak ayahnya yang hilang.

Puncak dari kisah ini adalah peristiwa kudeta besar-besaran yang dilakukan komunis, dengan mengambil alih pemerintahan di Jakarta dan beberapa kota penting di Indonesia. Sementara itu, hilangnya dua

orang yang dikasihi, membuat hati Fatimah goncang. Ia memutuskan untuk bergabung dengan pemerintah dan gerakan Islam yang berusaha mengatasi kekejaman komunis dan berjuang merebut kembali pemerintahan yang sah. Kisah ini kemudian diakhiri dengan syahidnya Fatimah, bertepatan dengan ditangkapnya orang-orang komunis yang telah berkhianat terhadap negara (al-Kilani 1974).

Dengan demikian, hadirnya novel *'Azra'* Jakarta dalam dunia kesusasteraan Islam merupakan respon al-Kilani dalam menentang ideologi komunisme yang tidak sejalan dengan prinsip-prinsip Islam. Selain itu, sebagai bagian dari umat Islam, ia sendiri merasa bertanggung jawab untuk terus berjuang membela agamanya dan menyuarakan kembali permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam melalui karya tulisnya.

### III. Permasalahan dan Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan sebelumnya, telah disebutkan bahawa Najib al-Kilani merupakan seorang sasterawan muslim yang selalu mengangkat isu-isu umat Islam serta menjunjung tinggi penulisan islami dalam karya tulisnya. Hasil karya sastera Islamnya tersebut telah menarik perhatian dalam kalangan sasterawan dan kritikus Arab, terlebih lagi sasterawan dan kritikus Arab yang bernaung di bawah *Rabitah al-Adab al-Islamiyah al-'Alamiyah*. Antaranya ialah Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi, Abdul Quddus Abu Salih, Muhammad Yusuf al-Taaji, Abdullah Salih al-'Ariny dan Hilmy Muhammad al-Qa'ud.

Menurut Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi (1995), semangat al-Kilani dalam menghasilkan karya sastera berunsur Islam telah memicu hasrat para sasterawan muslim lainnya untuk terus memperjuangkan kebenaran dan menjunjung tinggi nilai-nilai keislaman melalui karya-karya mereka. Adapun Abdul Quddus Abu Salih (1995) berpendapat, al-Kilani merupakan sosok sasterawan muslim yang selalu ber-*iltizam* (konsisten) dalam menghasilkan karya-karya yang bersesuaian dengan tasawwur Islam. Hal ini turut didukung dengan lingkungan keluarga dan pendidikan Islami yang didapatkannya sedari kecil. Sehingga, tidak heran jika hal tersebut telah mempengaruhi pemikiran dan kejiwaannya yang cenderung menghasilkan sisi keislaman yang murni dalam karyanya. Sedangkan Muhammad Yusuf al-Taaji (1995) mengungkapkan bahawa dalam menghasilkan karya sastera Islam, al-Kilani menggunakan pendekatan kisah Qur'aniyyah untuk memperlihatkan ke-*iltizam* karya-karyanya terhadap Islam. Hal ini dapat diperhatikan melalui bentuk dan tujuan penceritaannya, tema serta watak dan perwatakannya yang menggambarkan tasawwur Islam, sebagaimana juga dalam model penceritaan dalam kisah Qur'aniyyah.

Begitu juga Abdullah Salih al-'Ariny (1995) turut memuji kepewayaan al-Kilani dalam mengangkat kisah yang terinspirasi dari fenomena yang terjadi di rantau Arab mahupun luar rantau Arab. Adapun tema-tema yang diangkat, kebanyakannya mengisahkan tentang kehidupan dan perjuangan umat Islam dalam melawan kejahatan, kezaliman, penjajahan, ketidakadilan penguasa dan pelanggaran hak-hak kemanusiaan. Sementara itu, Hilmi Muhammad al-Qa'ud (2015), seorang sasterawan yang pernah mengkaji karya al-Kilani dan juga merupakan sahabat dekatnya, turut mengungkapkan kesannya dalam mengenang 20 tahun kepergian Najib al-Kilani dalam sebuah surat kabar Mesir, *al-Misriyyun*, "Keupayaan al-Kilani selama ini telah memberikan kesan yang begitu besar, khususnya kepada rakyat Mesir dalam menghadapi konflik. Selain itu, pesan-pesan yang disampaikan dalam karyanya juga banyak memberikan solusi dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh rakyat Mesir, Bangsa Arab mahupun umat Islam secara umum", ungkap sasterawan yang juga aktif menulis di surat khabar tersebut.

Keupayaan al-Kilani dalam menghasilkan karya sastera Islam melewati sempadan dunia Arab turut mendapatkan sambutan hangat hingga ke Nusantara. Dengan mengangkat isu-isu umat Islam semasa, karyanya menjadi sorotan dari pelbagai kalangan seperti asosiasi penterjemahan, penerbitan, seniman, jurnalis, cendekiawanserta para sarjana di Nusantara. Salah satu organisasi penterjemahan yang mengapresiasi hadirnya novel-novel sastera Timur Tengah, termasuk karya Najib al-Kilani ialah *Arabic Translation and Intercultural Dialogue Association-Indonesia* (Rumah Penerjemahan Arab dan Dialog Antarbudaya). Salah seorang anggota ATIDA Indonesia, Dr. Zuriyati yang juga merupakan pensyarah sastera di Universitas Negeri Jakarta, ikut berpartisipasi dalam menterjemahkan karya al-Kilani ke dalam Bahasa Indonesia. Hal ini disambut gembira oleh ATIDA-Indonesia, kerana selama ini karya yang banyak diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia adalah buku-buku agama. Seandainya pun ada karya sastera Timur Tengah, seringnya diterjemahkan melalui bahasa Inggeris. Justeru, hadirnya penterjemahan langsung dari bahasa asalnya (Arab) akan membuat karya tersebut lebih akurat (2009).

Sehubungan itu, salah satu penerbitan yang banyak menghasilkan karya-karya al-Kilani dalam bentuk terjemahan ialah Penerbit Navila. Dikutip dari surat khabar Indonesia, Kedaulatan Rakyat (2009), Penerbit Navila pernah mengadakan sebuah acara bedah buku di Pesta Buku Jogja 2009 yang bertujuan untuk memperkenalkan karya-karya al-Kilani kepada khalayak, dengan turut mengundang salah seorang bekas seniman band sheila on 7, Sakti (mantan gitaris) sebagai pembedah. Dalam acara itu, Sakti sangat menyanjung kemampuan al-Kilani dalam menyajikan kisah-kisah berunsur Islam. Sebagai seniman yang telah "berhijrah" untuk memperdalam ilmu agama, ia merasa bahawa karya al-Kilani memiliki keistimewaan tersendiri. Selain mengandungi nilai-nilai keislaman, penyampaiannya yang sederhana, ringan dengan mudah difahami para pembaca, sehingga menjadikan karyanya dapat diterima semua kalangan. Selain itu, permasalahan-

permasalahan yang diangkat berdasarkan realiti kehidupan, secara tidak langsung juga menjawab pelbagai permasalahan di masyarakat.

Seterusnya, apresiasi terhadap al-Kilani juga hadir dari kalangan jurnalis, salah satunya wartawan senior Indonesia, Herry Mohammad. Sebagai wartawan yang telah lama berkecimpung di dunia jurnalistik, Herry sendiri banyak terinspirasi dengan sosok Najib al-Kilani dalam memperjuangkan Islam menggunakan tulisan. Melalui bukunya *Tokoh-tokoh Islam yang Berpengaruh Pada Abad 20* (2006), Herry menyatakan “Najib al-Kilani termasuk tokoh muslim berpengaruh pada abad 20 berdasarkan kemampuannya dalam memperjuangkan hak-hak umat Islam yang tertindas melalui karya tulisnya”. Wartawan yang pernah menulis buku *Jurnalisme Islam* (1992) ini juga menyebutkan, bahawa tujuan pengumpulan tokoh-tokoh dalam buku tersebut adalah untuk dijadikan sebagai suatu teladan yang dapat diterapkan oleh para pejuang Islam, khususnya di Indonesia.

Selanjutnya, perakuan terhadap keupayaan al-Kilani juga datang dari kalangan sasterawan dan cendekiawan Negara Brunei Darussalam. Hal ini dipetik dari surat khabar Pelita Brunei (2015), dalam sebuah sambutan acara pada pembukaan Festival Kesusasteraan Islam Brunei Darussalam 2015, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdulah mengungkapkan bahawa kesusasteraan dan penulisan Islam di Negara Brunei Darussalam sendiri telah memenuhi ciri keislaman berdasarkan prinsip sastera Islam yang dinyatakan al-Kilani dalam bukunya *Madkhal ila al-Adab al-Islamy*. Justeru, hadirnya kesusasteraan dan penulisan Islam ini berperan penting dalam konteks pembangunan negara bangsa sekaligus dalam menegakkan perkembangan syiar Islam, khususnya di Negara Brunei Darussalam.

Melihat keuniversalan karya al-Kilani tersebut, tidak heran jika karya-karyanya telah diterjemahkan ke berbagai bahasa seperti bahasa Turki, Inggeris, Itali, Russia, Urdu, Parsi, China, Bahasa Indonesia dan juga bahasa Melayu. Di samping itu, sebahagian besar jurusan sastera Arab di Nusantara menjadikan Najib al-Kilani beserta karyanya sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran yang diajarkan dalam mata pelajaran yang berbeda, seperti *Adab Islamy* (Sastera Islam), *Adab ‘Araby* (Sastera Arab), *Adab Mu‘asir* (Sastera Kontemporari) dan *Tahlil Nusus* (Telaah Sastera) (Silabus Jurusan Sastera Arab). Bahkan, para pelajar di pelbagai tingkat sarjana kerap menjadikannya sebagai objek penelitian dengan latar bidang studi yang berbeda-beda seperti kebahasaan, kesusasteraan, dakwah, kemanusiaan dan sosial (Repositori UIN).

Berdasarkan penjelasan yang telah dikemukakan di atas, penulis melihat adanya korelevansi sosok Najib al-Kilani untuk dibahas kembali dari segi kemampuan kreativiti dalam membangun penceritaan berdasarkan tasawwur Islam. Sehubungan itu, kajian ini akan menggunakan salah satu karyanya yang digunakan untuk melihat lebih jauh kemampuan al-Kilani dalam mengaplikasikan prinsip sastera Islam ke dalam sebuah karya. Adapun salah satu novel islami dari karya triloginya yang fenomenal ialah *‘Azra’ Jakarta* (1974). Karya ini dianggap menarik untuk dijadikan sampel kajian kerana mengangkat kisah perjuangan umat Islam melawan komunisme dengan latar cerita sejarah Indonesia pada tahun 1965.

Menurut sarjana Indonesia, Taufiq Ahmad Dardiri (2008) dalam kajian tesisnya *Konflik Komunisme dengan Islam dalam Novel ‘Azra’ Jakarta Karya Najib al-Kilani* dinyatakan bahawa keinginan al-Kilani membincangkan persoalan konflik Islam dengan komunisme bertujuan untuk menyedarkan kembali umat Islam akan bahayanya ideologi komunis yang dapat memecah belah persatuan umat. Selain itu, dalam beberapa kasus banyak terbukti bahawa komunis berusaha menanamkan ideologinya secara paksa dengan penuh kekerasan dan kekejaman, sehingga banyak menelan korban jiwa seperti yang terjadi di Uni Soviet, China, Indonesia, Jerman dan beberapa negara di Eropah. Justeru, umat Islam yang digambarkan dalam karya al-Kilani hanyalah representasi daripada korban kekejaman komunis di dunia nyata.

Sedangkan menurut pensyarah sastera Arab UIN Sunan Kalijaga, Moh. Wakhid Hidayat (2017) dalam kajiannya tentang *Fakta Indonesia dalam Kesasteraan Arab: Telaah atas Novel ‘Azra’ Jakarta karya Najib al-Kilani* pada Diskusi Ilmiah Kebahasaan dan Kesasteraan di Balai Bahasa Yogyakarta diungkapkan, bahawa keprihatinan al-Kilani terhadap isu perjuangan umat Islam Indonesia melawan komunisme justeru membuktikan bahawa fenomena ini merupakan suatu fenomena yang mendunia. Hal ini dijadikan alasan berdasarkan latar belakang al-Kilani sendiri sebagai sasterawan di dunia Arab, namun berhasil mengangkat novel semisal *‘Azra’ Jakarta* yang melewati sempadan kebudayaan Arab kepada kebudayaan asing Indonesia. Selain itu, hadirnya novel ini berhasil menyampaikan tiga mesej utama yang ingin disuarakan al-Kilani, iaitu memperingatkan atas bahayanya komunisme, seruan terhadap persatuan umat Islam dan juga memperkenalkan sastera Islam melalui karyanya.

Dengan demikian, pembahasan ini akan menggunakan novel *‘Azra’ Jakarta* sebagai medium untuk melihat kemampuan al-Kilani dalam mengaplikasikan prinsip sastera Islam. Namun, untuk membahas persoalan tersebut, diperlukan suatu pendekatan yang juga melibatkan aspek-aspek keislaman (teori sastera Islam) agar dapat menghasilkan sastera Islam yang *syumul* (Shafie 1997). Hal ini berdasarkan anggapan bahawa teori-teori kesusasteraan Barat dianggap kurang tepat untuk diaplikasikan pada karya sastera Islam dalam mempertalikan hubungan manusia secara batiniah antara dirinya dengan Penciptanya (Allah), demikian juga untuk membuktikan tanggung jawab pengarang terhadap penulisannya di sisi Islam (Mohamad Mokhtar Hassan 2002). Adapun salah satu pendekatan sastera Islam yang fokus membahas terhadap ketiga-tiga elemen

penting dalam menghasilkan karya (pengarang, karya dan pembaca) ialah teori Takmilah yang diusung oleh Shafie Abu Bakar.

#### IV. Metodologi Kajian.

Teori Takmilah merupakan salah satu dari teori tempatan (Melayu) yang berasaskan falsafah tauhid sebagai dasar penilaian sesebuah teks yang memiliki unsur keislaman. Teori ini diperkenalkan pertama kali oleh Shafie Abu Bakar, salah seorang mantan Guru Besar di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sehubungan itu, pembahasan tentang teori Takmilah ini bersumber daripada rangkaian tulisannya sendiri, baik artikel yang telah diterbitkan dalam bentuk buku ataupun dalam bentuk majalah (Kamarah Kamaruddin 2011).

Menurut Shafie Abu Bakar (1995) menjelaskan, sastera Islam adalah sastera yang di dalamnya membicarakan falsafah ketauhidan yang memancarkan nilai-nilai keislaman dengan bersumberkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Sehubungan itu, penggunaan falsafah tauhid sebagai dasar penilaian teks adalah untuk memperlihatkan hubungan manusia terhadap Sang Khalik (Habl min Allah) yang ditunjukkan melalui keupayaan pengarang menghasilkan karya yang memaparkan Keesaan dan Kebesaran Allah. Manakala hubungan antara sesama manusia (Habl min al-Naas) pula diwujudkan pengarang melalui karyanya yang mampu memberikan kesan keinsafan dan kesedaran terhadap para pembaca dalam mengagungkan Allah. Justeru, teori ini mencuba menekankan bahawa aspek pengarang, karya dan pembaca merupakan suatu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan dalam menghasilkan kesusasteraan Islam yang syumul.

Berdasarkan hal tersebut, teori takmilah menggariskan tujuh prinsip utama yang menghubungkan aspek karya, pengkarya dan khalayak dalam memperlihatkan tasawur keislaman secara komprehensif iaitu: Prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, prinsip kerasulan sebagai insan kamil, prinsip keislaman yang bersifat akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip karya yang bersifat estetik dan takmilah, prinsip pengkarya yang bersifat istikmal, prinsip khalayak yang mengarah kepada insan kamil.

Sehubungan itu, kajian ini hanya ingin fokus membahas empat prinsip takmilah yang dikemukakan dalam *'Azra' Jakarta*, bagi memperlihatkan tasawur Islam pada aspek karya. Antara empat prinsip tersebut ialah prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, prinsip kerasulan sebagai insan kamil, prinsip keislaman yang bersifat akmal dan prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul.

#### V. Pembahasan *'Azra' Jakarta* Menurut Perspektif Takmilah

##### 5.1. Prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal (sempurna)

Berdasarkan prinsip pertama dalam teori Takmilah, pengarang menyatakan kesempurnaan Allah dalam *'Azra' Jakarta* berasaskan kepada konsep tauhid. Dalam pengamalannya, konsep tauhid terbagi kepada tiga macam iaitu *tauhid uluhiyyah*, *tauhid rububiyyah*, dan *tauhid al-asma' wa al-sifat*. Memandangkan hal itu, pengarang menggunakan keperibadian watak muslim dalam novelnya untuk mengungkapkan ketiga-tiga kandungan tauhid tersebut.

Adapun tujuan dari pengutaraan *tauhid rububiyyah* ini adalah untuk mengiktikadkan diri bahawa Allah merupakan satu-satunya Tuhan yang menciptakan seluruh alam beserta isinya dan hanya Dia lah yang berkuasa mengatur segala sesuatunya (Jawas 2006). Merujuk hal tersebut, pengarang mengemukakan konsep ini melalui ungkapan watak Haji Muhammad, sebagaimana dapat diperhatikan dalam petikan berikut:

*Si Insinyur listrik mencopot penutup mata Haji Muhammad, "Apa engkau melihat Allah?"  
Haji Muhammad menjawab dengan mantap, "Ya aku melihatnya, aku melihat Allah pada keagungan ciptaan-Nya, kehebatan kerajaan-Nya, keagungan aturan-Nya yang menggerakkan kosmos, menjalankan ufuk, dan mengatur angin dan lautan. Semua itu menunjukkan keagungan Allah." ...<sup>1</sup>*

(al-Kilani 1974:53)

Menurut ungkapan di atas, pengarang mencobamenampilkan kesempurnaan Allah melalui keimanan seorang muslim yang percayabahawa kehebatan dan keagungan Allah dapat diperhatikan melalui kekuasaan-Nya dalam menciptakan, mengatur dan mengendalikan secara penuh seluruh ciptaan-Nya. Selain ungkapan di atas, pengamalan *tauhid rububiyyah* ini juga dapat diperhatikan seperti pada halaman 14, 44-45, 124-125 (al-Kilani 1974).

Selanjutnya, pengamalan *tauhid uluhiyyah* yang mencerminkan kesempurnaan Allah dapat diperhatikan melalui ketaatan seorang muslim yang menjalankan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya, sebagai bukti keimanannya bahawa Allah adalah satu-satunya Tuhan yang harus disembah. Hal tersebut diungkapkan pengarang sebagaimana pada contoh berikut:

<sup>1</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 69-70

*Saat senggang, ketika ia berada dalam sel yang sempit dan gelap, ia duduk menghadap kiblat, melafalkan ayat-ayat al-Qur'an dan mengucapkan doa berulang-ulang dengan air mata bercucuran. Ia melaksanakan solat, sesekali memanjangkan rukuk dan sujudnya. Dan terkadang mengangkat kedua tangan ke langit seraya berdoa, "Ya Allah, kalau seandainya Engkau reda dan tidak murka terhadapku, maka aku tidak akan memperdulikan segala kesakitan ini, aku rela menerimanya."*<sup>2</sup>

(al-Kilani 1974:76)

Menurut petikan tersebut, gambaran watak muslim yang senantiasa melaksanakan ibadah seperti membaca al-Qur'an, memanjangkan doa dan juga menunaikan salat telah menunjukkan keyakinannya yang penuh kepada Allah sebagai Tuhan yang Esa yang mesti disembah. Justeru gambaran-gambaran tentang kekuatan *tauhid uluhiyyah* ini banyak dikemukakan pengarang seperti pada muka surat 61, 79, 94 dan 102 (al-Kilani 1974).

Selain itu, pengarang juga menampilkan konsep *tauhid al-asma' wa al-sifat* yang bertujuan untuk menegaskan bahawa Allah SWT adalah satu-satunya Tuhan yang berhak memiliki segala kesempurnaan, bersih dan suci dari segala kekurangan dan kelemahan (Jawas 2006). Maka dalam hal ini, pengarang turut mengutarakan penggunaan *Asma' al-Husna* sebagai bentuk penafiannya terhadap makna tuhan yang dianut oleh fahaman komunisme yang telah jelas bertentangan dengan ajaran Islam:

*"Aku akan memerintah jutaan manusia. Aidid, orang yang ada dihadapanmu sekarang. Ia akan menjadi tuhan baru di Indonesia. Apa makna tuhan wahai Tanti? Tuhan ialah yang memiliki kekuatan besar untuk memimpin dan menguasai. Kelak aku akan menjadi seperti itu."*

*Kemarahan Tanti mereda. Tapi ia merasa mual mendengar ucapan Aidid. "Namun, Tuhan itu Maha Pengampun, Maha Penyayang. Kekal dan Abadi. Sedangkan engkau pasti suatu saat akan mati."*<sup>3</sup>

(al-Kilani 1974:9)

Selain itu, konsep *tauhid al-asma' wa al-sifat* juga diutarakan pengarang melalui penyebutan *asma' al-husna* dalam ungkapan zikir dan doa yang dituturkan oleh para watak muslim (al-Kilani 1974: 159, 167).

### 5. 2. Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil (sempurna).

Berdasarkan *'Azra' Jakarta*, prinsip kerasulan sebagai insan kamil dikemukakan al-Kilani melalui peribadi muslim yang meneledani sifat Rasulullah sebagai manusia sempurna yang diciptakan Allah SWT dengan sebaik-baik bentuk dan ketaatan dalam menjalankan perintah-Nya. Meskipun manusia biasa tidak mampu mencapai tahap insan kamil, namun dengan cara meneladani sifat Rasulullah maka akan dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Justeru, gambaran peribadi yang mengarah kepada insan kamil ini dapat diperhatikan melalui watak-watak muslim yang bercirikan insan khalifah dan insan rabbani.

Adapun ciri peribadi Insan khalifah dapat diperhatikan melalui sifat amanah dan tanggungjawab seorang muslim sebagai khalifah di muka bumiyang mampu mengarahkan manusia lainnya kepada kebaikan dan kebenaran. Hal ini diungkapkan pengarang melalui watak Haji Muhammad yang memiliki peranan penting sebagai pendakwah. Adapun peran ini lahir dari perasaan tanggungjawabnya terhadap umat, seperti yang diungkapkan berikut:

*Haji Muhammad hanya tersenyum. Ia menginginkan kebaikan bagi bangsa Indonesia sampai hari kiamat kelak. Dan baginya keinginan itu tidak cukup dengan melahirkan kata-kata bijak, tapi yang lebih penting adalah berbuat nyata untuk mengubah perilaku masyarakat.*

*Beberapa saat setelah memberikan khutbah Jumaat, Haji Muhammad merenung seorang diri di kamar. Ia membayangkan sedang berteriak lantang dari atas mimbar, "Wahai masyarakat, bebaskanlah diri kalian dari ketakutan. Wahai rakyat, pelajarilah dasar-dasar agama kalian, sebab jika kalian mempelajari kaidah agama maka akan terlihat semua filsafat asing itu tidak ada nilainya. Kebenaran Allah adalah kebenaran sejati, karena Allah adalah kebenaran azali."*<sup>4</sup>

(al-Kilani 1974:36)

Lain daripada watak Haji Muhammad, ciri peribadi insan khalifah juga dinyatakan pengarang melalui watak Fatimah (al-Kilani 1974: 14, 21, 162) dan Abul Hasan (al-Kilani 1974: 99).

Sedangkan insan rabbani digambarkan sebagai insan yang memiliki sifat kerohanian yang dapat mendekatkan diri kepada Allah. Hal ini dapat dilihat melalui keperibadiannya yang selalu memegang dan

<sup>2</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 102

<sup>3</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 7

<sup>4</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 46

menjalankan prinsip Islam dalam kehidupannya sehari-hari. Antara sifat kerohanian yang mencerminkan peribadi insan rabbani ialah menolong sesama. Hal ini dikemukakan pengarang melalui watak Fatimah di bawah ini:

*Si isteri memperhatikan suaminya dengan teliti, ia melihat sebuah bungkusan kotak, lantas bertanya, "Apa ini, Pak?"*

*"Fatimah tadi datang dan menyuapiku. Sebelum pulang, ia meninggalkan makanan dan uang seratus rupiah," jawab suaminya sambil bangkit, merasa sedikit lega.*

*"Aku sedih ketika Fatimah mengetahui keadaan kita seperti ini."<sup>5</sup>*

(al-Kilani 1974:101)

Selain itu, ada juga ciri insan rabbani yang tercermin pada watak Abul Hasan seperti perilaku berbakti kepada kedua orang tua, yang tersirat dalam petikan berikut:

*Namun, pada waktu sekolah menengah, Abul Hasan mengetahui hasil kerja ayahnya tidak cukup untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Kerana itu, ia bekerja pada salah satu surat akhbar yang terbit sore hari. Pagi hari ia mencari berita dan sore hari pergi ke sekolah. Dengan cara itu ia dapat membantu memenuhi keperluan hidup keluarganya.<sup>6</sup>*

(al-Kilani 1974:99)

Menurut petikan-petikan tersebut, sikap muslim yang berusaha meneledani sifat Rasulullah seperti berdakwah, menolong sesama dan berbakti kepada orang tua telah menunjukkan peribadi yang mengarah kepada insan کامل. Justeru, prinsip kerasulan ini diutarakan pengarang melalui watak-watak muslim yang amanah dan bertanggungjawab serta selalu mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupannya.

### 5. 3. Prinsip Keislaman yang Bersifat Akmal (sempurna).

Sebagai novel yang dikategorikan sastera Islam, 'Azra' Jakarta banyak sekali menampilkan prinsip-prinsip keislaman yang meliputi pelbagai aspek kehidupan. Prinsip keislaman dapat dikatakan juga sebagai syariat Islam, iaitu ketetapan-ketetapan Allah berupa wahyu yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang mengandungi hukum-hukum yang mengatur seluruh aspek kehidupan manusia di dunia dan akhirat, baik dalam aspek *al-'aqaidiyah* (keyakinan), *al-'amaliyyah* (praktikal) mahupun *al-khuluqiyah* (perilaku).

Sehubungannya dengan aspek *al-'aqaidiyah*, pengarang mengemukakan tentang beberapa peringkat keimanan seperti keimanan kepada Allah, seperti dapat dilihat pada petikan berikut:

*Tidak seorang pun tertarik untuk menanggapi kata-kata Abul Hasan, semua terdiam dalam kebingungan dan kemarahan. Sang ibu mengangkat kedua tangan ke atas seraya berdoa:*

*"Hanya kepada-Mu kami mengadu, Engkaulah Tuhan orang-orang yang teraniaya."<sup>7</sup>*

(al-Kilani 1974:61)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa berdoa merupakan salah satu bentuk ibadah yang menunjukkan keyakinan penuh seorang muslim kepada Allah sebagai satu-satunya tempat memohon dan meminta. Selanjutnya, novel 'Azra' Jakarta juga menyatakan tentang kepentingan iman kepada malaikat Allah seperti yang diungkapkan oleh Ayahnya Abul Hasan yang berasa takut apabila suatu ketika ajalnya akan tiba:

*"Jangan lagi engkau meninggalkanku seorang diri, Isteriku. Aku sangat takut. Aku membayangkan Izrail, malaikat pencabut nyawa, berdiri di sampingku. Jika engkau pergi terlalu lama, lantas apa jadinya jika saat kembali, engkau menemukanku dalam keadaan telah menjadi mayat."<sup>8</sup>*

(al-Kilani 1974:101)

Menurut ungkapan di atas, perasaan takut dan khawatir seorang muslim terhadap kedatangan Sang Izrail mencerminkan kepercayaannya terhadap tugas malaikat tersebut yang mencabut nyawa-nyawa setiap makhluk yang hidup di dunia.

Selain itu, pengarang juga membahas tentang iman kepada para Nabi dan Rasul Allah bagi mengukuhkan prinsip keislaman dalam 'Azra' Jakarta. Antara bentuk keimanan kepada nabi dan rasul Allah adalah meyakini bahawa Nabi Muhammad merupakan salah satu utusan Allah dan tidak ada lagi nabi setelahnya, sebagaimana dalam petikan berikut:

<sup>5</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 135

<sup>6</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 133

<sup>7</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 80

<sup>8</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 136



*Beberapa saat setelah memberikan khutbah Jumaat, Haji Muhammad merenung seorang diri dalam bilik. Ia membayangkan sedang berteriak lantang dari atas mimbar, "...Kita tidak diperbolehkan makan daging babi. Dan tidak ada nabi setelah Muhammad..."*<sup>9</sup>

(al-Kilani 1974:36)

Lain daripada itu, terdapat juga ungkapan-ungkapan yang dikemukakan pengarang dalam aspek *al-<sup>c</sup>aqaidiyyah*, seperti iman kepada kitab Allah(al-Kilani 1974:48) dan iman kepada qadad dan qadar (al-Kilani 1974:153).

Sedangkan dalam aspek *al-<sup>c</sup>amaliyyah*, al-Kilani juga memanfaatkan watak-watak muslim yang senantiasa melaksanakan perintah-perintah Allah bagi memperlihatkan prinsip keislaman. Misalnya sahaja dalam persoalan ibadah seperti melaksanakan salat, membaca al-Qur'an, berzikir dan berdoa, sebagaimana tergambar pada watak Fatimah berikut ini:

*Ia berusaha membersihkan pikirannya, menjauhkan semua persoalan dengan membaca al-Qur'an dan berdoa. Setelah shalat, Fatimah membaca takbir dan tahmid.*<sup>10</sup>

(al-Kilani 1974:112)

Selain itu, pengutaraan watak yang turut menyempurnakan rukun Islamnya seperti menunaikan ibadah haji ke Baitullah juga mencerminkan prinsip keislaman dalam aspek *al-<sup>c</sup>amaliyyah*, seperti yang diperlihatkan dalam ungkapan di bawah ini:

*Mendengar kata Zam-zam, tiba-tiba Haji Muhammad teringat sewaktu pergi ke Mekkah. Ratusan ribu manusia pergi ke tanah "Haram" yang aman, ke Ka'bah. Burung-burung berterbangan. Elang berputar-putar di langit. Manusia dari segala ras dan suku berkumpul. Talbiyah dan Takbir membelah angkasa.*<sup>11</sup>

(al-Kilani 1974:53)

Seterusnya dalam menyampaikan prinsip keislaman, pengarang juga membahas persoalan mengenai *ath'imah* (makanan dan minuman) yang mana hal ini turut diatur dalam syariat Islam. Salah satu perkara yang diangkat adalah tentang pengharaman atas daging babi dan juga terhadap khamar. Adapun pembahasan tentang pengharaman ini dapat diperhatikan melalui petikan-petikan berikut:

*Beberapa saat setelah memberikan khutbah Jumaat, Haji Muhammad merenung seorang diri di kamar. Ia membayangkan sedang berteriak lantang dari atas mimbar, "...Kita tidak diperbolehkan makan daging babi. Dan tidak ada nabi setelah Muhammad..."*<sup>12</sup>

(al-Kilani 1974:36)

*Fatimah melihat gelas yang disodorkan. Ia berkata dengan suara bergetar, "Takutlah pada Allah. Aku tidak minum khamar," tampiknya.*

*"Kenapa?"*

*"Khamar adalah barang haram," jawab Fatimah.*<sup>13</sup>

(al-Kilani 1974:72)

Bertumpu dari petikan di atas, pengharaman atas memakan daging babi dan khamar ini telah disebutkan dalam al-Qur'an seperti dalam *Surah al-Baqarah* 2:173, *Surah al-Ma'idah* 5:3, *Surah al-Nahl* 16:115 dan *Surah al-An'am* 6:145. Begitu juga dalam hadis Rasul juga disebutkan haramnya khamar dan daging babi serta penjualannya, "*Sesungguhnya Allah telah mengharamkan khamar dan hasil penjualannya dan mengharamkan bangkai dan hasil penjualannya serta mengharamkan babi dan hasil penjualannya.*" (HR. Abu Daud).<sup>14</sup>

Malahan, pemaparan prinsip keislaman yang bersesuaian dengan al-Qur'an dan al-Sunnah dalam *'Azra' Jakarta* banyak dinyatakan pengarang seperti dalam persoalan *munakahat* (pernikahan/kekeluargaan)(al-Kilani 1974:20,21), *siyasah syar'iyah* (hukum kenegaraan)(al-Kilani 1974:36) dan *jughuquq dauliyah* (hukum internasional)(al-Kilani 1974:78).

Selanjutnya, pengarang juga menyatakan prinsip keislaman pada aspek *al-khuluqiyah* (akhlak) yang memperlihatkan hubungan manusia dengan Allah secara vertikal (*habl min Allah*). Sebagai contoh, berikut adalah salah satu gambaran sikap ikhlas pada watak Haji Muhammad dalam mengharap reda Allah:

<sup>9</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 47

<sup>10</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 149

<sup>11</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 69

<sup>12</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 47

<sup>13</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 95

<sup>14</sup> Al-Sijistani, Sunan Abi Daud, Kitab al-Ijarah, Bab Fi Saman al-Khamr wa al-Maytah, No. 3485.

*“Tiga perempat dari kisah hidupmu hanya peperangan melawan Belanda. Apakah engkau ingin menonjolkan kepahlawananmu?”*

*“Maaf Tuan Kepala. Aku hanya seorang hamba Allah yang lemah. Dan aku tidak merasa aman dengan ganjaran jihadku. Pahala hanya milik Allah semata. Namun aku telah melaksanakan kewajibanku.”<sup>15</sup>*

(al-Kilani 1974:77)

Perilaku seorang muslim yang selalu mengucap puji-pujian kepada Allah merupakan salah satu wujud sikap syukur dalam bentuk lisan. Adapaun sikap muslim yang selalu bersyukur ini tergambar pada watak Ayah Abul Hasan berikut:

*Ia mulai menangis dengan separuh bibir terkatup. Sebelah matanya berkedip-kedip dan yang satunya tidak bisa tertutup. Air mata membasahi bantal hitam kusam. Kemudian sang ayah berteriak keras. Sementara si isteri menyandarkan kepala di dada suaminya yang turun naik.*

*“Betapa sengsara hidupku ini, wahai isteriku,” ratapnya.*

*“Bersyukurlah,” nasihat si isteri.*

*“Alhamdulillah.”<sup>16</sup>*

(al-Kilani 1974:100)

Selanjutnya, adapula sikap-sikap yang mencerminkan prinsip Islam yang menyiratkan hubungan sesama manusia secara horizontal (*habl min al-naas*). Misalnya perilaku saling menasihati yang dinyatakan oleh ibunya Fatimah dalam kesabaran dan menjaga keimanan:

*Sang ibu mengelus punggung Fatimah dengan penuh kasih sayang, dan menasihati sang anak agar tetap sabar dan memegang teguh keimanan dalam hati.<sup>17</sup>*

(al-Kilani 1974:58)

Seterusnya, sikap tolong menolong juga merupakan salah satu perbuatan yang mencerminkan perilaku yang sesuai dengan ajaran Islam. Sikap ini digambarkan pengarang melalui watak sampingan, seorang sipir yang telah membantu memberikan makanan dan selimut kepada Haji Muhammad ketika di penjara:

*Suatu waktu ketika semua orang terlelap, ada seorang sipir yang mengendap di kegelapan malam sebelum fajar menyingsing. Ia membuka pintu sel dan merengkuh tangan Haji Muhammad, tak henti-hentinya ia mencium tangan lelaki tua itu, “Maafkan kami, wahai orang tua. Kami hanya menjalankan perintah. Hati kami sebenarnya berontak, terkoyak-koyak. Ini air, makanan dan selimut untuk anda. Aku akan membantumu, selama tidak diketahui oleh Kepala Penjara.”<sup>18</sup>*

(al-Kilani 1974:77)

Berdasarkan gambaran diatas, sikap tolong menolong tersebut dinilai telah menepati ajaran Islam, sebagaimana yang dijelaskan dalam *Surah al-Maidah* 5:2 yang maksudnya: *“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”* Justeru berdasarkan keterangan ayat tersebut sangat jelas bahawa tolong menolong itu sangat dianjurkan, khususnya dalam hal kebaikan dan ketakwaan, bukan dalam hal kemaksiatan.

Selain itu, aspek *al-khuluqiyah* lainnya juga yang juga mencerminkan prinsip Islam dapat diperhatikan melalui sikap takwa. Secara umum, takwa bermakna ikhlas dalam menjalankan ketaatan kepada Allah dan juga menjauhi larangan-Nya. Dalam al-Quran banyak disebutkan ciri-ciri orang yang bertakwa seperti dalam *Surah al-Baqarah* 2:165, *Ali Imran* 3:31, *al-Maidah* 5:93, *al-Anfal* 8:29, *al-Taubah* 9:119, *al-Hadid* 57:28 dan *al-Hashr* 59:18. Berdasarkan itu pula, antara sifat-sifat orang takwa yang telah disebutkan al-Qur’an ialah sabar, ikhlas, syukur, jujur, istiqamah, berbuat baik, menjauhi perbuatan munkar, berinfak di jalan Allah. Justeru, keperibadian takwa dalam novel *‘Azra’ Jakarta* terserlah melalui watak-watak muslim seperti keluarga Fatimah dan Abul Hasan.

#### 5. 4. Prinsip Ilmu dengan Sastera yang Bersifat Takamul (menyempurnakan).

Prinsip keilmuan yang dihubungkan dengan sastera ini bermaksud sebagai ilmu-ilmu yang menunjang isi karya sastera sehingga dapat menghasilkan hubungan yang takamul. Dalam menyajikan *‘Azra’ Jakarta* yang bertemakan keislaman, ianya tidak cukup hanya dibekali dengan ilmu sastera, tapi juga memerlukan pengetahuan yang berhubungan dengan ilmu keislaman. Berdasarkan analisis sebelumnya, didapati bahawa

<sup>15</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 104

<sup>16</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 134

<sup>17</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 75

<sup>18</sup> Al-Kilani, Najib, Gadis Jakarta, hlm. 103

kandungan *'Azra' Jakarta* telah memenuhi kriteria prinsip keislaman. Hal ini justeru mengekalkan bahawa *'Azra' Jakarta* memang dibina berdasarkan ilmu keislaman yang meliputi tiga aspek, iaitu ilmu akidah, ilmu fiqh dan juga ilmu akhlak.

Disebutkan sebelumnya, terdapat bahagian-bahagian dalam kisah *'Azra' Jakarta* yang membahas persoalan tentang ketuhanan (*ilahiyat*), kenabian (*nubuwwat*) dan juga perkara gaib (*sam'iyat*). Justeru hal ini menunjukkan bahawa isi kisah tersebut disokong oleh salah satu ilmu syarak iaitu ilmu akidah atau yang disebut juga ilmu tauhid. Selain itu, pengarang juga banyak memaparkan kisah-kisah yang mengandungi pembahasan tentang hukum-hukum syariat yang berhubungan dengan amaliah (perbuatan) manusia. Maka dari segi keilmuan, bidang yang merangkumi hukum-hukum syarak disebut ilmu fiqh. Bukan hanya itu, kisah ini juga menggambarkan perbuatan manusia yang mencerminkan nilai kebaikan dan keburukan berdasarkan pandangan Islam. Hal tersebut menunjukkan bahawa kisah *'Azra' Jakarta* juga didasari dengan ilmu akhlak, yang membahas tentang perbuatan baik dan buruk.

Sementara itu, kisah *'Azra' Jakarta* sendiri merupakan novel yang mengangkat latar belakang peristiwa sejarah perpolitikan sejarah di Indonesia pada tahun 1965. Meskipun novel ini tidak secara langsung disebut sebagai novel sejarah kerana terdapat percampuran imaginasi daripada sang pengarang, namun sedikit banyaknya novel ini turut mengungkapkan sisi sejarah yang berhubungan dengan peristiwa tersebut. Justeru, hal ini menunjukkan bahawa *'Azra' Jakarta* tidak hanya dibina dengan ilmu keislaman sahaja, tetapi juga dengan pengetahuan sejarah.

Hal ini kerana terdapat beberapa peristilahan ataupun peristiwa yang ditemukan dalam *'Azra' Jakarta* berhubungan dengan Indonesia, seperti nama pertubuhan, nama-nama tokoh politik, dan beberapa kejadian penting yang telah terjadi di Indonesia. Antara nama-nama pertubuhan yang disebutkan dalam *'Azra' Jakarta* yang memperlihatkan hubungannya dengan sejarah Indonesia ialah PKI (Partai Komunis Indonesia) (al-Kilani 1974:23), Gerwani (Gerakan Wanita Indonesia) (al-Kilani 1974:6), Masyumi (Majelis Syuro Muslimin Indonesia) (al-Kilani 1974:16-17) dan Syarikat Islam (al-Kilani 1974:99). Seterusnya, terdapat penggunaan beberapa nama pada wataknya yang kebetulan memiliki kesamaan dengan nama tokoh-tokoh penting di Indonesia, seperti Presiden Sukarno (al-Kilani 1974:103), Kolonel Untung (al-Kilani 1974:26), Ahmad Yani (al-Kilani 1974:135).

Adapun dalam menggambarkan latar belakang penceritaan *'Azra' Jakarta*, pengarang juga memanfaatkan beberapa peristiwa bersejarah di Indonesia yang justeru memperlihatkan hubungan antara sastera dengan sejarah yang bersifat takamul. Antara peristiwa ataupun sejarah Indonesia yang dikemukakan dalam *'Azra' Jakarta* ialah tentang fakta bahawa Indonesia dulu pernah dijajah oleh bangsa Belanda dan juga Jepun (al-Kilani 1974:58), peristiwa pemberontakan pertama PKI tahun 1948 (al-Kilani 1974:17, 25) dan kudeta PKI tahun 1965 (al-Kilani 1974:135, 140).

Berdasarkan hal tersebut, dapat difahami bahawa lahirnya *'Azra' Jakarta* tidak hanya disokong oleh keilmuan sastera sahaja, tetapi turut dihubungkan dengan beberapa keilmuan lainnya. Selain mengemukakan prinsip-prinsip Islam yang berasaskan ilmu keislaman seperti ilmu akidah, ilmu fiqh dan akhlak, novel ini juga menyajikan gambaran-gambaran tentang Indonesia, baik berupa nama-nama pertubuhan, nama-nama tokoh penting mahupun peristiwa sejarah di Indonesia. Justeru hal ini memperlihatkan bahawa penceritaan *'Azra' Jakarta* telah berhasil menghubungkan keilmuan sastera, keislaman dan sejarah menjadi sebuah karya sastera Islam yang bersifat takamul.

## Rujukan

1. Al-Quran dan Tafsirnya. 1990. Milik Departemen Agama Republik Indonesia. Universitas Islam Indonesia.
2. 'Abd al-Razzaq al-San'ani, Abu Bakr ibn Hammam ibn Nafi'. 2000. *al-Musannaf*. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
3. Abu Dawd, Sulayman ibn al-Ash'ath al-Azdi al-Sajistani. T.th. *Sunan Abi Dawd*. Tahqiq. Shu'ayb al-Arna'ut. Riyadh. Maktabah al-Ma'arif.
4. al-Bassam, 'Abd al-Allah ibn 'Abd al-Rahman. 2003. *Tawdih al-Ahkam Min Bulugh al-Maram*. Cet ke-5. Makkat al-Mukarramah. Maktabat al-Asdi.
5. al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad ibn al-Husayn ibn 'Ali. T.th. *al-Sunan al-Kubra*. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
6. al-Bukhari, Abu 'Abd al-Allah Muhammad ibn Isma'il. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Damsyik, Beirut. Dar Ibn Kathir.
7. al-Darimi, 'Abd al-Allah ibn 'Abd al-Rahman ibn al-Fadl ibn Bahram. 2000. *Sunan al-Darimi*. Tahqiq al-Darimi. Riyadh. Dar al-Mughni.
8. al-Dulaymi, Husayn. 2011. *Juhud al-Duktur 'Abd al-Karim Zaydan Fi al-Da'wah al-Islamiyyah*. Mesir. Universitas al-Azhar.
9. al-Ghamidi, Saleh ibn Said ibn 'Abd al-Allah. 2009. *Ikhtiyarat al-Imam al-Kasani Fi Kitabay al-Taharah wa al-Salah*. Makkah. Universitas Umm al-Qura.
10. al-Ghazali, Muhammad ibn Muhammad. 1997. *al-Mustasfa Fi'Ilm al-Usul*. Beirut. Muassasah al-Risalah.
11. al-Hattab al-Ru'ayni, Shams al-Din Muhammad ibn 'Abd al-Rahman. 2003. *Mawahib al-Jalil Li Sharh Mukhtasar al-Khalil*. Beirut. Dar 'Alam al-Kutub.
12. Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf ibn 'Abd al-Allah. T.th. *al-Ijma' Li Ibn 'Abd al-Barr*. Riyadh. Dar al-Qasim.
13. Ibn Hajar, Ahmad ibn 'Ali al-'Asqalani. 1998. *al-Matalib al-'Aliyah Bi Zawa'id al-Masanid al-Thamaniyyah*. Riyadh. Dar al-Asimah dan Dar al-Ghathith.
14. Ibn Hajar, Ahmad ibn 'Ali al-'Asqalani. 2008. *Fath al-Bari Penjelasan Kitab Sahih al-Bukhari*. Jakarta. Pustaka Azzam.
15. Ibn Hazm, Abu Muhammad 'Ali ibn Ahmad ibn Sa'id al-Andalusi. T.th. *al-Muhalla*. Mesir. Matba'ah al-Nahdah.
16. Ibn al-Humam al-Hanafi, Kamal al-Din Muhammad ibn 'Abd al-Wahid al-Saywasi al-Sikandari. 1995. *Sharh Fath al-Qadir*. Beirut.

Daar al-Kutub al-Ilmiyyah.

17. Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il ibn Umar al-Qurashi. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. T. pt. Dar al-Tayyibah.
18. Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwayni. T.th. *Sunan Ibn Majah*. Riyadh. Maktabah al-Ma'arif.
19. Ibn al-Mundhir, Abu Bakr Muhammad ibn Ibrahim al-Naysaburi. 1999. *al-Ijma'*. Ajman. Maktabah al-Furqan.
20. Ibn Qudamah al-Maqdisi, Abu Muhammad Abd al-Allah ibn Ahmad. 1996. *al-Mughni*. Kaheerah. Dar al-Hadis.
21. Ibn Rajab, Zayn al-Din Abi al-Farj al-Hanbali. 1996. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Kaheerah. Maktabah al-Ghuraba' al-Athariyyah.
22. Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn Abd al-Halim al-Harrani. 2001. *Majmu' al-Fatawa*. al-Mansurah. Dar al-Wafa'.
23. al-Janabi, Sami. 2014. *Man Huw Allamah; Abd al-Karim Zaydan*. <http://aliraqnews.com/>. Dirujuk 25-07-2015.
24. al-Kasani, Ala al-Din Abu Bakr ibn Mas'ud. 1986. *Badai' al-Sana' Fi Tartib al-Syarai'*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
25. Malik ibn Anas al-Asbahi. 1994. *al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
26. al-Masri, Abu Nasr. 2010. *Bidayah al-Mujtahid*. <http://alaarajiva.blogspot.my>, <http://www.ahlalhddeeth.com>. dirujuk 21-7-2014.
27. Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. 2006. *Sahih Muslim*. Riyadh. Dar Tayyibah.
28. al-Nawawi, Mahy al-Din ibn Sharaf. T.th. *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. T.tp. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
29. al-Qarni, Awad. 2014. Abd al-Karim Zaydan Masirah Wa Ata'. <https://www.youtube.com/watch?v=Ik5okIPPEuE>
30. al-Sarakhsi, Muhammad ibn Ahmad. 1997. *Syarh Kitab al-Siyar al-Kabir*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
31. al-Sarkhasi, Syams al-Din. T.th. *Kitab al-Mabsut*. Beirut. Dar al-Ma'arif.
32. al-Sayyid Sabiq. 1999. *Fiqh al-Sunnah*. Kaheerah. Dar al-Fath Li al-Ilam al-Arabi.
33. al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris. T.th. *Tartib Musnad al-Imam al-Shafi'i*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
34. al-Shaykh Nizam. 2000. *al-fatawa al-Hindiyah*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
35. al-Shawkani, Muhammad ibn Ali. 1993. *Fath al-Qad@r*. Kaheerah. Daar al-Had@th.
36. al-Shawkani, Muhammad ibn Ali. 2000. *Irshad al-Fuhul*. Riyadh. Dar al-Fadilah.
37. al-Taha, Ahmad Hasan. 2014. Majma' fiqh Iraq, Tashyi' al-alamah al-Duktur Abd al-Karim Zaydan. <https://www.youtube.com/watch?v=RD-dwHJZ7nU>
38. al-Thamiri, Yasir. 2015. Ra'y al-Shaykh Yasir al-Thamiri Fi Kitab al-Mufassal. <https://www.youtube.com/watch?v=bP6KLgQ7nT0>
39. al-Tirmidhi, Muhammad Ibn Isa Ibn Ba'urah. T.th. *Sunan al-Tirmidhi*. Riyadh. Maktabah al-Ma'arif.
40. al-Zamakshari, Mahmud ibn Umar. 1998. *al-Kashshaf An Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil*. Riyadh. Maktabah al-Ubaykan.
41. Zaydan, Abd al-Karim. 1997. *Ensiklopedi Hukum Wanita dan Keluarga Islam*. Jakarta. Robbani Press.
42. Zaydan, Abd al-Karim. 2012. *al-Mufassal Fi Ahkam al-Mar'ah Wa al-Bayt al-Muslim*. Beirut. Muassasah al-Risalah.
43. Zaydan, Abd al-Karim. 1999. *al-Madkhal Li Dirasat al-Shari'ah al-Islamiyah*. Beirut. Muassasah al-Risalah.
44. al-Tabari, Muhammad ibn Jarir al-Amili. 2000. *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Qur'an*. Beirut. Muassasah al-Risalah.